

25/01/2003

Unit Khas Pilihan Raya dilancar Februari

KUALA LUMPUR: Unit Khas Pilihan Raya (UKP) Puteri Umno, akan dilancarkan pada 7 Februari ini sebagai persiapan sayap baru parti itu menghadapi pilihan raya umum yang dijangka bila-bila masa.

Naib Ketua Puteri Umno, Noraini Ahmad, berkata pelancaran akan diadakan di Kubang Pasu dan dijangka dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Presiden parti.

Menerusi UKP itu katanya, ahli Puteri akan dilatih mengenai semua kaedah perlu untuk menghadapi pilihan raya dan semasa pilihan raya.

"Penubuhan unit itu akan melengkapkan ahli Puteri secara mental dan fizikal, supaya lebih bersedia untuk menghadapi pilihan raya, bukan saja pilihan raya umum, malah pilihan raya kecil.

"Kita berpendapat penubuhan unit ini perlu kerana ahli Puteri masih baru dalam politik dan mereka memerlukan pendedahan sewajarnya ke arah membentuk jentera kempen Puteri Umno yang benar-benar mantap," katanya kepada Berita Harian.

Noraini berkata, anggota unit berkenaan akan diberikan latihan intensif sekurang-kurangnya empat hari yang akan turut dikendalikan pegawai dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Anggota unit khas itu juga katanya, akan berfungsi sebagai pemantau bagi Puteri Umno dalam membantu kempen pada musim pilihan raya.

Beliau berkata, penubuhan UKP Puteri Umno itu dibuat mengikut zon bermula dengan zon utara membabitkan Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak Utara.

"Menerusi unit berkenaan, sekurang-kurangnya lima ahli Puteri akan ditugaskan menjaga setiap peti undi di kawasan tertentu," katanya.